

Pahang rintis skim perlombongan emas kecil-kecilan



WAN ROSDY

KUANTAN - Dalam mencari kaedah menang-menang berhubung dalam isu perlombongan emas, Pahang bertindak proaktif menjadi negeri terawal yang mewujudkan satu skim perlombongan emas kecil-kecilan.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, skim yang akan dikawal selia oleh anak syarikat kerajaan negeri iaitu Pahang Mining Corporation itu dijangka mula dilaksanakan pada Jun depan.

"Kerajaan masih dalam peringkat akhir untuk menyedia-

kan prosedur operasi standard (SOP) bagi skim perlombongan kecil ini yang akan dipertanggungjawabkan kepada anak syarikat kerajaan negeri Pahang Mining Corporation.

"Skim ini akan melibatkan tanah-tanah milik kerajaan negeri dan tanah-tanah milik persendirian," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Menurut Wan Rosdy, melalui skim terbaharu itu, semua aktiviti perlombongan yang akan dilakukan perlu melalui proses permohonan lesen-lesen berkaitan

secara teratur dan sah mengikut undang-undang sedia ada.

Katanya, anak syarikat kerajaan negeri, Pahang Mining Corporation akan mengendalikan pelaksanaannya dan mengawal selia aktiviti perlombongan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamudin berkata, pelantikan badan kawal selia berkenaan amat penting dalam memastikan aktiviti perlombongan dilakukan secara

tersusun dan terkawal.

Katanya, ia juga akan mewujudkan situasi menang-menang antara kerajaan dan pelombong sekali gus mengelakkan ketirisan hasil kerajaan negeri.

"Sebelum ini setiap individu kena memohon di Pejabat Tanah dan Galian tetapi sekarang ini akan ada satu badan yang akan menguruskannya.

"Setiap individu yang ingin melakukan perlombongan akan dikenakan syarat-syarat dan mereka juga perlu mengikuti kursus," katanya.